



3 Oktober 2025  
3 October 2025  
P.U. (A) 361

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN  
(MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)  
(PINDAAN) 2025

*TOURISM INDUSTRY (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
(AMENDMENT) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN  
(MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pindaan) 2025**.

(2) Kecuali bagi peraturan 4, Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 10 Oktober 2025.

(3) Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2025.

**Penggantian peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) 1992 [*P.U. (A) 267/1992*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 2 dengan peraturan yang berikut:

"Kesalahan yang boleh dikompaun. 2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaun itu boleh dikompaun dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua."

**Peraturan baharu 2A dan 2B**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 2 peraturan yang berikut:

“Tatacara mengkompaun. 2A. (1) Apabila menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan boleh dikompaun telah dilakukan, Pesuruhjaya boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengeluarkan suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah sah bagi tempoh dua puluh satu hari bermula dari tarikh tawaran itu diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat atau apa-apa tempoh lanjutan yang boleh diberikan oleh Pesuruhjaya secara bertulis, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh dua puluh satu hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

Penyetujeterimaan kompaun. 2B. Seseorang yang menyetujui terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetujui terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua dan mengembalikan Borang 3 itu kepada Pesuruhjaya.”.

**Penggantian peraturan 3**

4. (1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 3 dengan peraturan yang berikut:

“Pembayaran kompaun. 3. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan disetujui terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu melalui—

(a) wang tunai, kiriman wang, kiriman wang pos atau draf bank yang dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya dan hendaklah diserahkan sendiri secara serahan tangan atau dihantar melalui pos berdaftar prabayar kepada Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya ke alamat Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Aras 1, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62200 Putrajaya; atau

(b) kad kredit, kad debit, kad caj atau apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain yang kena dibayar ke dalam akaun Pesuruhjaya.

(2) Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dibuat.

(3) Suatu resit rasmi yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) hendaklah termasuk apa-apa resit elektronik jika pembayaran dibuat melalui pemindahan wang secara elektronik sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b).”.

**Peraturan baharu 3A**

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 3 peraturan yang berikut:

“Pendakwaan boleh dimulakan jika tiada pembayaran dibuat. 3A. Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 2A(2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.”.

**Pemotongan peraturan 4**

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 4.

**Penggantian Jadual**

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2]

AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN  
(MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) 1992

**KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN**

Kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

- (a) seksyen 5;
- (b) seksyen 8;
- (c) seksyen 11;
- (d) seksyen 12;
- (e) seksyen 15;
- (f) seksyen 19;
- (g) seksyen 20;
- (h) seksyen 21;
- (i) seksyen 26;
- (j) seksyen 29;
- (k) seksyen 30;
- (l) seksyen 32; dan
- (m) kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta.

JADUAL KEDUA

BORANG 1

[Peraturan 2]

AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN  
(MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) 1992

**KEIZINAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 39 Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya, .....  
(*nama*) dengan ini memberi keizinan untuk mengkompaun .....  
.....  
(*nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat*) bagi kesalahan yang dilakukan di bawah.....  
yang dikatakan telah dilakukan pada ..... (*tarikh*)  
di ..... (*tempat*).

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20 .....

.....  
Pendakwa Raya/  
Timbalan Pendakwa Raya

BORANG 2

[Peraturan 2A]

AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN  
(MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) 1992

**TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

Rujukan: .....

Tarikh: .....

Kepada:

.....  
.....  
.....

\*Tuan/Puan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda .....

*(nyatakan nama \*individu/syarikat/perniagaan/badan lain dan nombor pendaftaran, jika ada)* dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]/perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta dengan butir-butir seperti yang berikut:

(a) peruntukan Akta/perundangan subsidiari yang berkaitan\*:

.....

(b) tarikh: .....

(c) masa: .....

(d) tempat:

.....  
.....

(e) \*butir-butir kesalahan:

.....  
.....

2. Menurut kuasa yang diberikan di bawah seksyen 39 Akta Industri Pelancongan 1992, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas dengan jumlah RM ..... (Ringgit Malaysia ..... sahaja).

3. Jika tawaran untuk mengkompaun ini disetujui terima, pembayaran hendaklah dibuat—

(a) melalui wang tunai atau \*kiriman wang/kiriman wang pos/draf bank yang dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya dan hendaklah diserahkan sendiri secara serahan tangan atau dihantar melalui pos berdaftar prabayar kepada Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya ke alamat Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Aras 1, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62200 Putrajaya; atau

(b) melalui \*kad kredit/kad debit/kad caj atau apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain yang kena dibayar ke dalam akaun yang berikut: ..... (nombor akaun) melalui mana-mana bank berlesen/bank Islam berlesen di Malaysia.

4. Resit rasmi hendaklah dikeluarkan apabila pembayaran kompaun diterima.

5. Tawaran untuk mengkompaun ini sah bagi tempoh dua puluh satu hari bermula dari tarikh tawaran ini diterima oleh anda.

6. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis selanjutnya.

Tarikh: .....

.....  
Pesuruhjaya Pelancongan/  
Pegawai diberi kuasa

---

\* Potong yang mana tidak berkenaan.

BORANG 3

[Peraturan 2B]

AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN  
(MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) 1992

**PENERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

Kepada:

Pesuruhjaya Pelancongan  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6  
Presint 5  
62200 PUTRAJAYA

Tuan/Puan\*,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan  
..... bertarikh .....

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama-sama ini bukti pembayaran melalui \*wang tunai/kiriman wang/kiriman wang pos/draf bank no. .... yang kena dibayar kepada Pesuruhjaya Pelancongan/bukti pembayaran melalui \*kad kredit/kad debit/kad caj atau apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain yang kena dibayar ke dalam akaun Pesuruhjaya sebanyak RM ..... (..... ringgit sahaja) sebagai penyelesaian penuh jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan : .....

Nama (*huruf besar*) : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

Untuk dan bagi pihak (*jika berkenaan*) : .....  
(*nama syarikat/perniagaan/badan lain\**)

Nombor Pendaftaran/Lesen/Permit\* : .....

Alamat : .....  
.....  
.....

Tarikh : .....

---

*\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

Dibuat 30 September 2025  
[MOTAC(S).600-6/8/5 (31); PN(PU2)510/IX]

DATO SRI TIONG KING SING  
*Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya*

TOURISM INDUSTRY ACT 1992

TOURISM INDUSTRY (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
(AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Tourism Industry Act 1992 [*Act 482*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Tourism Industry (Compounding of Offences) (Amendment) Regulations 2025**.

(2) Except for regulation 4, these Regulations come into operation on 10 October 2025.

(3) Regulation 4 of these Regulations is deemed to have come into operation on 1 July 2025.

**Substitution of regulation 2**

2. The Tourism Industry (Compounding of Offences) Regulations 1992 [*P.U. (A) 267/1992*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by substituting for regulation 2 the following regulation:

“Compoundable offences. 2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed to be compoundable offences.

(2) The compoundable offences may be compounded with the written consent of the Public Prosecutor in Form 1 of the Second Schedule.”.

**New regulations 2A and 2B**

3. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 2 the following regulation:

“Procedure for compounding. 2A. (1) Upon receipt of any information or complaint that a compoundable offence has been committed, the Commissioner may, with the written consent of the Public Prosecutor, issue an offer to compound the offence in Form 2 of the Second Schedule.

(2) An offer to compound an offence shall be valid for a period of twenty-one days starting from the date the offer is received by the person to whom the offer is made or such extended period as the Commissioner may grant in writing, and if full payment of the sum offered is made on or before the expiry of the period of twenty-one days or such extended period granted, no further proceedings shall be taken against the person who committed such offence.

Acceptance of compound. 2B. A person who accepts an offer to compound a compoundable offence shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule and return the Form 3 to the Commissioner.”.

**Substitution of regulation 3**

4. (1) The principal Regulations are amended by substituting for regulation 3 the following regulation:

“Payment of compound. 3. (1) If an offer to compound an offence is accepted by the person to whom the offer is made, the person shall pay the compound by—

- (a) cash, money order, postal order or bank draft crossed with the words "Account Payee Only" payable to the Commissioner or any officer authorized in writing by the Commissioner and shall be delivered personally by hand or sent by prepaid registered post to the Commissioner or any officer authorized in writing by the Commissioner to the address Tourism Licensing and Enforcement Division, Ministry of Tourism, Arts and Culture, Level 1, No. 2, Tower 1, Jalan P5/6, Precinct 5, Federal Government Administrative Centre, 62200 Putrajaya; or
- (b) credit card, debit card, charge card or any other forms of electronic fund transfer payable into the account of the Commissioner.

(2) The Commissioner or any officer authorized in writing by the Commissioner shall issue an official receipt for every payment received under subregulation (1) to the person to whom the offer to compound an offence is made.

(3) An official receipt issued under subregulation (2) shall include any electronic receipt if the payment is made through an electronic fund transfer as specified in paragraph (1)(b)."

**New regulation 3A**

5. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 3 the following regulation:

“Prosecution may be instituted if no payment made. 3A. If no payment of the compound offered is made within the period specified in subregulation 2A(2), prosecution may be instituted without further notice.”.

**Deletion of regulation 4**

6. The principal Regulations are amended by deleting regulation 4.

**Substitution of Schedule**

7. The principal Regulations are amended by substituting for the Schedule the following schedules:

“FIRST SCHEDULE

[Regulation 2]

TOURISM INDUSTRY ACT 1992

TOURISM INDUSTRY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 1992

**COMPOUNDABLE OFFENCES**

The offences committed under the following provisions of the Tourism Industry Act 1992 [Act 482] are prescribed as compoundable offences:

- (a) section 5;
- (b) section 8;
- (c) section 11;
- (d) section 12;
- (e) section 15;
- (f) section 19;
- (g) section 20;
- (h) section 21;
- (i) section 26;
- (j) section 29;
- (k) section 30;
- (l) section 32; and
- (m) offences under any regulations made under the Act.

SECOND SCHEDULE

FORM 1

[Regulation 2]

TOURISM INDUSTRY ACT 1992

TOURISM INDUSTRY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 1992

**CONSENT TO COMPOUND OFFENCES**

IN exercise of the powers conferred by section 39 of the Tourism Industry Act 1992 [Act 482] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [Act 593], I, ..... (*name*) hereby give consent to compound ..... (*name of the person to whom the compound offer is made*) for the offence committed under ..... which is said to have been committed on ..... (*date*) at ..... (*place*).

Dated ..... of .....20 .....

.....  
Public Prosecutor/  
Deputy Public Prosecutor

FORM 2

[Regulation 2A]

TOURISM INDUSTRY ACT 1992

TOURISM INDUSRY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 1992

**OFFER TO COMPOUND OFFENCES**

Reference: .....

Date: .....

To:

.....  
.....  
.....

\*Sir/Madam,

An investigation has been conducted against you .....  
(state \*name of individual/company/business/other body and the registration number,  
if any) and you are found to have committed an offence under the Tourism Industry  
Act 1949 [Act 482]/subsidiary legislation made under the Act with the following  
particulars:

- (a) relevant provision of the Act/subsidiary legislation\*:  
.....
- (b) date: .....
- (c) time: .....
- (d) place:  
.....  
.....
- (e) \*particulars of the offence:  
.....  
.....

2. Pursuant to the authority granted under section 39 of the Tourism Industry Act 1992, with the written consent of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offence stated above for the sum of RM ..... (Ringgit Malaysia ..... only).

3. If this offer to compound is accepted, payment shall be made—

(a) by cash or \*money order/postal order/bank draft crossed with the words “Account Payee Only” payable to the Commissioner or any officer authorized in writing by the Commissioner and shall be delivered personally by hand or sent by prepaid registered post to the Commissioner or any officer authorized in writing by the Commissioner to the address Tourism Licensing and Enforcement Division, Ministry of Tourism, Arts and Culture, Level 1, No. 2, Tower 1, Jalan P5/6, Precinct 5, Federal Government Administrative Centre, 62200 Putrajaya; or

(b) by \*credit card/debit card/charge card or any other forms of electronic funds transfer payable into the following account: ..... (account number) through any licensed bank/licensed Islamic bank in Malaysia.

4. An official receipt shall be issued on receipt of payment of the compound.

5. This offer to compound shall be valid for a period of twenty-one days starting from the date the offer is received by you.

6. If there is no payment received within the period referred to in paragraph 5, the prosecution for the offence may be instituted against you without further notice.

Date: .....

.....  
Commissioner of Tourism/  
Authorized officer

---

\* Delete whichever is inapplicable.

FORM 3

[Regulation 2B]

TOURISM INDUSTRY ACT 1992

TOURISM INDUSTRY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 1992

**ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE**

To:

Commissioner of Tourism  
Ministry of Tourism, Arts and Culture  
No. 2, Tower 1, Jalan P5/6  
Precinct 5  
62200 PUTRAJAYA

Sir/Madam\*,

I refer to the Offer to Compound Offence bearing the reference number ..... dated .....

2. I admit that I have committed the said offence and I accept the offer to compound and enclosed herewith is the proof of payment by \*cash/money order/postal order/bank draft no. .... payable to the Commissioner of Tourism/ proof of payment by \*credit card/debit card/charge card or any other forms of electronic funds transfer payable into the account of the Commissioner of Tourism for the sum of RM ..... (..... ringgit only) as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Offer to Compound Offence.

Signature : .....

Name (*in capital letters*) : .....

Identification No. : .....

For and on behalf (*if applicable*) : .....  
(*name of company/business/other body\**)

Registration No./Licence/Permit\* : .....

Address : .....  
.....  
.....

Date : .....

---

*\*Delete whichever is inapplicable.\**

Made 30 September 2025  
[MOTAC(S).600-6/8/5 (31); PN(PU2)510/IX]

DATO SRI TIONG KING SING  
*Minister of Tourism, Arts and Culture*